

Khidmat Komuniti dan Inovasi pelajar UMP Bersama Masyarakat Kg. Salong



Pekan, 16 April – Penganjuran *Projek Community Service Innovation* di Kg. Baru Salong, Pekan yang terletak hampir 20 kilometer dari kampus UMP baru-baru ini berjaya mendekatkan mahasiswa dengan masyarakat setempat dalam usaha Universti Malaysia Pahang (UMP) memasyarakatkan teknologi.

Seramai 63 pelajar dari Kelab Sains Kemanusiaan UMP dan Program Siswa Sihat (Prosis) menyertai program anjuran Pusat Kesihatan dan Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan (PBMSK).

Ketibaan pelajar disambut meriah penyelaras homestay Kampung Baru Salong, Jamli Embong bersama penduduk kampung yang hadir dalam sesi penyerahan anak angkat sepanjang berkampung di sini.

Menurut Pengarah Program Zaidatul Azira Zainal, 21, yang merupakan pelajar Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Projek berkata, program bertujuan memupuk semangat kesukarelawan dalam kalangan mahasiswa UMP di samping mengukuhkan kemahiran bersosial dan berkomunikasi dengan baik.



"Pada sebelah malamnya pula diadakan aktiviti santai bersama penduduk kampung yang mana kami diberi penerangan serba sedikit mengenai sejarah dan pembangunan kampung ini oleh Ketua Belia Kampung Baru Salong, Mohd. Ezwanuddin Mohamad.

"Program diteruskan dengan ceramah bertajuk Bahaya Denggi yang disampaikan oleh Pegawai Sains Kaji Serangga, Mohd. Amiru Hariz Aminuddin dari Pejabat Kesihatan Daerah Pekan untuk memberi pendedahan awal tentang bahaya denggi dan juga cara untuk menangani masalah denggi pada masa kini," katanya.

Tambah beliau, program diteruskan dengan aktiviti Malam Burung Hantu iaitu kira-kira jam 11 malam peserta berjalan di kawasan kampung pada waktu malam dengan menutup mata menggunakan kain bagi memupuk keberanian dan semangat bekerjasama di antara peserta.

Pada keesokan harinya program bermula seawal jam 7.30 pagi dengan aktiviti senamrobik yang dikendalikan oleh Mohd. Ezwanuddin dan rakannya, Mohd. Khairil Redza Miasin.



Turut diadakan program promosi aktiviti 3R berbentuk taklimat dan demonstrasi baja kompos telah diberikan kepada penduduk kampung dan juga peserta program. Aktiviti ini dibuat bertujuan untuk memberi pendedahan kepada peserta dan juga kepada penduduk kampung tentang kepentingan mengamalkan 3R dan juga berkongsi ilmu untuk membuat baja kompos. Program juga dimeriahkan dengan aktiviti sukaneka dan gotong royong.

Majlis perasmian penutup dirasmikan oleh Ketua Kampung Baru Salong, Pekan, Pahang Awang Mohamad yang berpendapat program ini bukan sahaja dapat memasyarakatkan UMP malah dapat mengeratkan hubungan antara penduduk kampung ini. Manakala menurut peserta program, Nor Farhana Mohd Rauf, 21, pengalamannya selama dua hari ini banyak meninggalkan kenangan manis buat beliau dan rakan-rakan.

Disediakan oleh Nor Salwana Mohamad Idris dari Bahagian Komunikasi Korporat PNC

Posted By : SITI SARAH BINTI MOHAMAD RAJIMI Date Posted : 22-04-2016, 17:05:37